



GILGIT

Kota Singgahan Pendaki

Gilgit terletak di utara Pakistan. Kota ini merupakan ibu negeri bagi wilayah Gilgit Baltistan. Wilayah ini berkongsi sempadan dengan negara China di sebelah utara, Afghanistan di sebelah barat dan India (Kashmir) di sebelah timur.

Kota Gilgit terletak di lembah pergunungan Karakoram. Maka itu, tidak hairanlah Gilgit dikelilingi oleh gunung-ganang gergasi. Antaranya seperti Gunung Mehrbani (5640 meter), Rakaposhi (7790 meter) dan Myar (6825 meter). Lokasinya yang strategik menjadikan Gilgit sebagai lokasi persinggahan para pendaki dan juga

pelancong. Para pendaki terutama dari Eropah memilih Gilgit sebagai tempat berehat, merancang pendakian dan mendapatkan stok makanan serta kelengkapan pendakian. Secara kebiasaannya, mereka tiba di sini ketika musim panas, iaitu waktu yang paling sesuai untuk mendaki.

Penulis bukanlah seorang pendaki. Namun singgah di sini selama beberapa hari sebelum meneruskan destinasi ke utara (Hunza). Keadaan cuaca pada awal Mac agak sejuk kerana pada masa itu merupakan musim bunga. Pada waktu tengah hari, suhunya 17 darjah



Penulis bergambar untuk kenangan-kenangan sewaktu di Gilgit.



Barang yang dijual di Gilgit lebih murah berbanding dengan kota di selatan.

Gilgit bukan kota pelancongan. Namun sebagai ibu negeri wilayah utara, Gilgit berperanan sebagai kota persinggahan dan transit. Gilgit juga merupakan syurga beli-belah di rantau sebelah utara.

Celsius dan sebelah malamnya ialah tujuh darjah Celsius. Chai (teh susu panas), kuah dal panas dan sup ayam merupakan "penyelamat" ketika suhu menurun. Akhir musim bunga dan musim panas juga waktu yang sesuai melawat Gilgit. Pada musim dingin, kebanyakan restoran dan hotel ditutup kerana kurang mendapat sambutan daripada pelawat, selain untuk menjimatkan tenaga elektrik.

Rata-rata para peniaga di sini bersikap ramah dan mengagumi Malaysia. Apabila mereka tahu penulis datang dari Malaysia, mereka tidak teragak-agak memberikan diskaun atau percuma terhadap barangan yang dijual, terutama makanan. Pada asalnya, penulis agak berat untuk menerimanya, tetapi untuk kali yang kedua, penulis singgah lagi dan membayar penuh. Penulis sedar, mereka ialah peniaga dan memerlukan modal pusingan harian.

Dua jam perjalanan bas ke utara ialah daerah Hunza dan tiga jam perjalanan ke timur ialah daerah Skardu. Kedua-dua tempat ini merupakan tumpuan pelancong. Di Gilgit, kesemua bas dan pengangkutan awam ini tiba terlebih dahulu sebelum menuju ke destinasi. Selain itu, di Gilgit juga



Sarapan pagi penulis sewaktu di Gilgit.

terdapat sebuah lapangan terbang domestik untuk kegunaan awam dan juga tentera. Pesawat kecil PIA mengenakan tambang antara 10 000 hingga 14 000 rupee untuk penerbangan sehala ke Islamabad.

Pada pandangan penulis, Gilgit ialah kota yang lengkap dengan pelbagai kemudahan walaupun kedudukannya agak terpencil di lembah pergunungan. Dari segi harga barang dan perkhidmatan, Gilgit boleh dikategorikan sebagai kota yang agak murah berbanding dengan kota di selatannya seperti Rawalpindi, Islamabad, Lahore dan Karachi. Hotel penginapan di sini berharga sekitar antara 500 hingga 2000 rupee (RM12



Kedai peralatan mendaki gunung.



Sekumpulan remaja bermain kriket di taman riadah Gilgit Park.



Peniaga di Gilgit bersikap ramah dengan pelancong.

hingga RM46). Sarapan pagi penulis pula sekitar 90 rupee (RM2) untuk secawan teh, sekeping parata dan sekeping telur. Sup ayam pula berharga 50 rupee dan sebiji limau Mandarin berharga 20 rupee (50 sen). Secara amnya, Gilgit bukan kota pelancongan. Namun sebagai ibu negeri wilayah utara, Gilgit berperanan sebagai kota persinggahan dan transit. Gilgit juga merupakan syurga beli-belah di rantau sebelah utara. Terdapat beberapa buah bazar di sini merangkumi sebuah bazar yang moden (NLI Bazaar) dan yang selebihnya ialah bazar tradisional. Bagi diri penulis, Gilgit merupakan kota yang damai dan selesa untuk didiami berbanding dengan kota lain di selatannya yang sesak, bising, panas, berdebu dan mahal.